

07 MAR 1997

Mahathir-Mandela

MALAYSIA MAHU AFRIKA SELATAN KURANGKAN TARIF IMPORT MINYAK SAWIT

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia hari ini meminta Afrika Selatan menimbang untuk mengurangkan tarif import minyak sawit ke tahap yang sekurang-kurangnya sama dengan tarif untuk minyak kacang soya.

Permintaan itu disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perbincangan beliau dengan Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mandela tiba di sini semalam untuk memulakan lawatan lima hari ke Malaysia, negara terakhir yang dikunjunginya dalam lawatan 10 hari ke empat negara Asean. Beliau telah melawat Filipina, Brunei dan Singapura.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan itu, berkata Dr Mahathir menjelaskan kepada Mandela bahawa Malaysia mahu supaya tarif import itu sama dengan tarif bagi minyak makan lain yang diimport oleh Afrika Selatan dari negara-negara lain.

Tarif import untuk minyak sawit yang dikenakan oleh Afrika Selatan sekarang ialah 400 Rand (kira-kira RM220) bagi satu tan manakala tarif import untuk minyak kacang soya 170 Rand (kira-kira RM93).

Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu Mandela bahawa Malaysia tidak ingin meminta "sesuatu yang lebih" tetapi akan bergembira jika tarif itu dapat disamakan.

Beliau berkata Mandela tidak dapat memberi keputusan serta-merta mengenai permintaan Malaysia itu tetapi berjanji akan mengkajinya.

Abdullah berkata Dr Mahathir juga memberi jaminan kepada Mandela bahawa Malaysia akan membantu rakyat Afrika Selatan terutamanya masyarakat kulit hitam dengan berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam banyak bidang seperti latihan keusahawanan, sumber manusia dan kemahiran.

Mandela juga, kata Abdullah, ingin melihat banyak lagi pelaburan Malaysia di republik itu yang sehingga kini berjumlah AS\$3 bilion (kira-kira RM7.5 bilion).

Beliau juga memberitahu Dr Mahathir bahawa negaranya memerlukan banyak lagi usahasama antara syarikat Malaysia dan Afrika Selatan khususnya yang dimiliki oleh masyarakat kulit hitam.

Mandela juga berkata kerajaannya merancang memperluaskan perkhidmatan perkapalan dan mahu pelabur Malaysia membantu dalam penswastaan bidang itu.

Presiden Afrika Selatan itu turut memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa pelabur Malaysia tidak perlu risau mengenai situasi keselamatan di negaranya kerana ia tetap stabil, kata Abdullah.

Dalam perbincangan mereka mengenai hubungan Asean dan Afrika, Dr Mahathir dan Mandela berharap Asean dan Masyarakat Pembangunan Afrika Selatan (SADC), iaitu dua kawasan serantau yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 600 juta orang, akan mempertingkatkan kerjasama.

SADC dianggotai oleh 12 negara Selatan Afrika iaitu Angola, Botswana, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Swaziland, Tanzania, Zambia, Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Abdullah berkata Asean dan SADC telah dapat meningkatkan kerjasama melalui pertemuan antara Menteri-menteri Ekonomi kedua-dua rantau itu semasa persidangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Singapura baru-baru ini

Beliau berkata, Menteri-menteri berkenaan berharap Asean akan memberi perhatian kepada pelaburan dalam bidang infrastruktur, tenaga, pelancongan dan perkapalan di negara-negara Afrika itu. -- BERNAMA

ES PR